

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 2 (49)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2012-2013)
BILANGAN 6 TAHUN 2013**

Tarikh	: 26 Jun 2013 (Rabu)
Masa	: 10.30 Pagi – 01.09 Petang
Tempat	: Dewan Bunga Tanjung, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
Hadir	: Seperti dilampirkan kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Aznan bin Hasan, Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

2.1 Video Korporat

Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 10 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan April dan Mei tahun 2013.

2.2 Video

Tayangan video berkenaan perancangan pengangkutan dan pengurusan lalulintas di Petaling Jaya mengambil masa selama 8 minit.



3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

3.1 Ucapan Penghargaan

Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang telah bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis khususnya dalam memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dan dilaksanakan dengan sebaiknya. Beliau turut berharap agar Ahli Majlis bersama warga kerja MBPJ berbincang dari masa ke semasa untuk merealisasikan kehendak masyarakat Petaling Jaya. Sementara itu beliau bersama warga kerja MBPJ akan sentiasa menitik beratkan perkhidmatan yang berkualiti kepada penduduk Petaling Jaya seiring dengan komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan di antara satu sama lain.

3.2 Ulasan Tayangan Video Berkaitan Perancangan dan Pengurusan Sistem Saliran dan Perparitan di Petaling Jaya

- 3.2.1 Beliau memaklumkan di dalam Mesyuarat Majlis, majlis akan membuat persembahan video kedua selepas tayangan video korporat yang memaparkan projek-projek yang sedang dan akan dilaksanakan di PJ demi keselesaan penduduknya pada masa akan datang.
- 3.2.2 Berdasarkan persembahan multimedia sebentar tadi, di bawah Kerangka Kerja Bandar Berkarbon Rendah (LCCF), pengurusan sistem saliran dan perparitan merupakan satu daripada empat teras utama rangka kerja berkenaan. Sistem saliran semula jadi utama di Petaling Jaya meliputi 2 batang sungai sepanjang 16 km iaitu Sungai Kayu Ara dan Sungai Penchala dan 12 batang anak sungai. Antaranya Sungai Damansara, Sungai Rumput dan Sungai Gasi. Panjang longkang tepi jalan di seluruh kawasan Petaling Jaya adalah 2,300 km manakala parit hujan lebat (monsoon drain) adalah 70 km.
- 3.2.3 Pembangunan Petaling Jaya yang dinamik dan perubahan kepada penggunaan tanah seperti pembangunan ‘infill’, ‘compact development’ dan konflik antara pembangunan yang telah maju dan akan datang telah memberi kesan kepada aliran air di sistem saliran dan longkang dan perubahan ke atas kuantiti dan kualiti air sungai. Petaling Jaya tidak dapat lari daripada senario ini kerana semua kawasan merupakan kawasan bandar sejak 50 tahun ditubuhkan.

- 3.2.4 Di antara masalah utama yang dikenalpasti adalah pencemaran sungai dan banjir kilat. Pencemaran sungai berlaku kesan daripada aktiviti pembuangan sampah domestik dari kediaman dan bahan buangan sisa cecair dan pepejal (toksik) yang disalurkan dari kilang-kilang terutamanya kilang-kilang haram yang dibina di sepanjang sungai. Ini menyebabkan Sungai Klang yang melalui kawasan Petaling Jaya berada di tahap sederhana tercemar (Kelas 3) dan Sg. Penchala di Kelas 4 mengikut Indeks Kualiti Air Sungai.
- 3.2.5 Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bertanggungjawab pada kerja pembinaan dan penyelenggaraan sungai di Petaling Jaya manakala MBPJ bertanggungjawab terhadap kerja-kerja pembinaan, menaiktaraf, pemberian struktur dan penyelenggaraan sepanjang kira-kira 2,300 km longkang dan parit.
- 3.2.6 Tindakan penyelesaian masalah saliran dan perparitan di Petaling Jaya dibuat berdasarkan kaedah mengoptimakan keberkesanan rangkaian infrastruktur saliran dan meminimakan kesan pembangunan terhadap sistem pengaliran semula jadi air hujan (*Natural Water Flow*). Pembangunan akan ditetapkan oleh keupayaan infrastruktur sedia ada dan keupayaan tambahan hasil dari langkah pemberian yang akan dibuat berdasarkan Laporan Projek Pembangunan berkenaan.
- 3.2.7 Ketetapan unjuran dibuat di dalam Rancangan Kawasan Khas Seksyen 13, Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1, Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 dan Rancangan Kawasan Khas PJU, PJS, Seksyen dan SS.
- 3.2.8 Tiga (3) langkah yang telah dikenalpasti adalah :
- i. Program **pembangunan** yang melibatkan pembinaan longkang-longkang besar dan kolam tadahan.
 - ii. **Penyelenggaraan** yang melibatkan pemberian longkang-longkang kecil, menaiktaraf sistem perparitan dan pembersihan longkang yang tersumbat.
 - iii. **Kempen kesedaran dan promosi** yang dijalankan bersama penduduk dan NGO seperti Projek WATER Sg. Way, ‘My Drain Day’ dan ‘One Community, One River, One Malaysia oleh River Ranger dan Friends of Sg. Way.

3.2.9 Penyelesaian terhadap masalah sistem rangkaian sungai dan sistem perparitan yang mengalir ke sub tadahan sungai-sungai utama dilaksanakan dalam tempoh jangka pendek, sederhana dan panjang bagi 5 zon yang telah dibuat kajian adalah seperti berikut.

i) Zon 1 : Bukit Gasing

Penyelesaian terhadap masalah kawasan banjir meliputi 10 projek. Kos projek dianggarkan RM8.5 juta. Antara projek yang telah siap dilaksanakan adalah membina struktur takungan di pertemuan dua longkang besar di Jalan 6/24 dan Jalan 6/7, Seksyen 6, menambah kapasiti longkang takungan besar di Jalan 12/14 & Jalan Utara dan menaiktaraf longkang sediada di sekitar kawasan PJ Hilton serta perumahan Seksyen 8/3.

ii) Zon 2 : Taman Medan

Penyelesaian melibatkan 18 projek utama yang akan dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun dengan kos keseluruhan projek RM12 juta. Projek yang telah siap adalah menaiktaraf longkang di Jalan PJS 2/3, menambahbaik keupayaan takungan parit hujan lebat sepanjang 200m di Jalan 4/46 dan menyediakan paip erong (scupper drain) di Jalan Selangor. Projek-projek lain adalah membina sistem takungan di Jalan 1/15, menaiktaraf saliran usang di Jalan 205 dan Jalan 51/200. Projek juga melibatkan kerja membina laluan pejalan kaki di atas longkang yang telah dinaiktaraf di Seksyen 8, Seksyen 3, PJS 1/25, Jalan 51A/225.

iii) Zon 3 : Seri Setia

Penyelesaian masalah banjir melibatkan 9 projek utama iaitu membina parit lencongan terus ke parit utama di Jalan SS9/2, menaiktaraf parit tanah kepada pembentung kekotak baru di Jalan SS7/28, Taman Kelana Indah, menaiktaraf longkang sediada ke longkang 'U' di Jalan PJS 10/15A. Dicadangkan juga kerja-kerja pembersihan berkala perlu dilakukan di semua longkang bagi mengelakkan banjir kilat.

iv) Zon 4 : Damansara Utama

Penyelesaian terhadap masalah banjir dan saliran di Damansara Utama adalah membesarkan ‘culvert crossing’ dan membina takungan bagi mengurangkan air mengalir ke culvert secara serentak mengikut konsep MASMA di Jalan SS 4D/10 (membina ‘mini dam’ dan kolam tadahan, menjalankan kerja ‘de silting’ di saliran terowong Lembah Subang, membaiki tembok longkang yang runtuh di Jalan PJU 1 ke Jalan BU 12/6 dan Jalan PJU 1/10.

v) Zon 5 : Kota Damansara

Penyelesaian terhadap masalah banjir dan saliran tertumpu di Persiaran Surian, Kota Damansara dengan menjalankan kerja naiktaraf infrastruktur dan kerja-kerja pembersihan paip-paip erong (scupper). Banjir di Persiaran Surian akibat limpahan air di Sungai Rumput telah diselesaikan dengan meninggikan aras jalan setinggi 1.2 meter. Sehingga kini 80% kawasan banjir di Petaling Jaya dapat dikurangkan dan ianya boleh mencapai 90% sekiranya ada peruntukan, kakitangan yang mencukupi dan kerjasama dari semua pihak seperti JPS, pemaju dan penduduk. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur utama ini akan dibiayai berdasarkan peruntukan Majlis, geran daripada Kerajaan Negeri, MARRIS, MIDA dan wang caruman ISF.

3.2.10 Bagi memastikan kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan saliran Petaling Jaya dijalankan secara efisyen, dicadangkan untuk menubuhkan ‘Drainage Gang’ dan Unit Pengawatkuasaan. Kerja-kerja pembinaan, pembersihan dan pengawasan saliran juga dicadang diletakkan di satu unit di bawah Bahagian Saliran, Jabatan Kejuruteraan. Bagi menyokong pengurusan saliran dan perparitan yang mampan di Petaling Jaya, potensi pembangunan berdasarkan koridor biru (sungai, tasik dan kolam tadahan) akan ditingkatkan melalui program pengindahan atau dibangunkan dengan aktiviti rekreasi dan komersial.

3.2.11 Cadangan pembangunan koridor biru adalah di Kolam Tadahan SS 7, Rezab Sungai di Kampung Kayu Ara dan Rezab Sungai di Kampung Chempaka. Perancangan sistem dan perparitan pada masa hadapan akan berteraskan sistem saliran mesra alam berkoncep "kawalan pada punca". Strategi yang digunakan adalah merekabentuk longkang/parit utama mengikut kaedah perlaksanaan Manual Baru Saliran Mesra Alam Malaysia (MASMA), Sistem saliran bandar mapan (*Sustainable Urban Drainage System*) (SUDS) dan Sistem Saliran Bio-Ekologi atau *Bio-Ecological Drainage System* (BIOECODS) yang merupakan alternatif pengurusan air larian hujan berkarbon rendah dan mampan yang melibatkan *swale*, *dry pond*, *wet pond*, *detention pond*. Setiap projek pembangunan perlu mengambil kira kesan ke atas alam sekitar dan berupaya meningkatkan nilai estetik bandaraya Petaling Jaya.

3.3 INTERNATIONAL FEDERATION FOR HOUSING AND PLANNING (IFHP) CONGRESS: KONSEP GARDEN CITIES

Beliau memaklumkan bahawa beliau telah menghadiri kongres sempena 100 tahun sambutan International Federation for Housing and Planning (IFHP) di London pada 8hb. – 11hb. Jun 2013. Persekutuan ini telah diasaskan Sir Ebenezer Howard seorang 'social reformer' yang kemudiannya memperkenalkan konsep 'Garden Cities of Tomorrow' sejak tahun 1902. Berdasarkan prinsip Garden City, sesuatu Bandar hendaklah mempunyai kehidupan bandar (*town life*) yang energetik dan aktif yang disepadukan dengan aspek keindahan dan keseronokan.

Konsep ini mengetengahkan penglibatan komuniti dan mempromosikan perasaan kekitaan di kalangan komuniti yang dipacukan oleh sektor swasta dan disokong oleh pihak pemimpin. Bersempena dengan sambutan ini, tema kongres yang dipilih adalah 'A Tomorrow for Cities; For People, By People'. Kongres telah meninjau 5 aspek utama iaitu 'future of urban growth', 'urban generation', 'resilient cities', 'smart cities' dan 'social justice'. Secara kesimpulannya, rata-rata penceramah mengketengahkan bahawa sesuatu bandar hendaklah mempunyai daya-saing yang tinggi mengambil kira keperluan golongan muda untuk memiliki rumah mampu milik dan peluang pekerjaan dengan memastikan penggunaan sumber untuk mengelakkan gangguan iklim dunia dan menyebabkan bencana alam. Prof. Sir Peter Hall, salah seorang ikon perancangan bandar terunggul di UK dalam ucapan penutup beliau menyatakan, '*City is complex and inter-related system. Failing with, even a small sub-component of any of the city system will lead city planning to failure. Hence, 21st century future city planning and*

development must be a holistic, comprehensive and all-rounded approach.' Kongres merumuskan bahawa konsep Garden City adalah masih relevan. Bagaimanapun, ianya memerlukan satu anjakan paradigm dari segi pemikiran mengambilkira cabaran sengit perbandaran apabila menjelang tahun 2050 sejumlah 70% penduduk dunia akan tinggal di kawasan bandar.

Pentadbiran perbandaran harus mengambilkira proses globalisasi, perubahan iklim dan kewujudan masyarakat yang matang semasa proses perancangan, pengurusan dan penyediaan kemudahan. Beliau berpandangan, pembangunan Bandar Petaling Jaya akan dibuat berteraskan prinsip pembangunan mampan, mengurang pengeluaran karbon di samping penggalakkan pembangunan ekonomi, kehidupan Bandar yang enegertik dan aktif yang disepadukan dengan aspek keindahan dan keseronokan.

Perasaan kekitaan, ‘sense of belonging’ akan diperolehi hasil daripada sistem penyampaian perkhidmatan yang baik dan penglibatan komuniti ke arah menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya yang sejahtera (livable) dan dicintai (lovable) sebagaimana pernah disebutkan di dalam ucapan pertama beliau di MBPJ.

3.4 LAPORAN WORLD COMPETITIVE RANKINGS

Laporan World Competitive Rankings ke-25, 2013 yang diumumkan oleh Institute of Management Development minggu lepas meletakkan Malaysia di kedudukan ke-15, iaitu satu tangga lebih rendah daripada tahun lepas. Tangga teratas adalah diduduki oleh Amerika Syarikat, diikuti oleh Switzerland dan Hong Kong. Kedaya-saingan Negara telah diukur dari segi aktiviti pembuatan, kepelbagaiaan ekonomi, pelaburan dalam infrastruktur, pendidikan, sokongan kepada SME, menguatkuasakan peraturan kewangan dan yang penting sekali adalah kesaksamaan dan keharmonian sosial. Laporan tersebut menyatakan bahawa cabaran Malaysia adalah untuk mengurangkan jurang deficit belanjawan dan memastikan keseimbangan kewangan demi menjamin kemampanan dan pertumbuhan ekonomi yang positif. Ini adalah berikutan dengan pertumbuhan GDP yang rendah, iaitu 4.1% pada Penggal Pertama tahun ini dan juga komitmen *handouts* yang diberikan ketika Pilihanraya Umum ke-13 bulan lepas. Petaling Jaya dijangka tidak akan terlepas daripada aliran pertumbuhan ekonomi tersebut dan selain daripada mengamalkan langkah berhemah dalam perbelanjaan, Majlis sebagai pemudahcara pembangunan haruslah memudahcarakan proses pembangunan dan meningkatkan aktiviti ekonomi bertambah nilai, seperti sector ICT, *hospitality*, *kewangan*, *perkhidmatan tertiary* di Petaling Jaya.

GREEN APPLE AWARD

Majlis Bandaraya Petaling Jaya bersama 60 organisasi /PBT/ Syarikat/NGO di seluruh dunia telah dikurniakan International Green Apple Awards bagi the Built Environment and Architectural Heritage 2013 oleh The Green Organisation. Ini termasuk negara Netherlands, Ireland, Denmark, Lebanon, Malaysia, UAE, China, UK dan lain-lain. MBPJ telah dianugerahkan sebagai pemenang *silver* dalam Majlis Anugerah tahun ke-19 di NSBRC, Swindon, UK pada 24hb Jun oleh Doreen Lawrence, *successful campaigning mother of murder victim* Stephen Lawrence. Inisiatif Majlis iaitu Skim Rebat Cukai Taksiran bagi pemilik rumah mesra alam di PJ telah diiktiraf sebagai inisiatif berinovasi dan mampu mengolah usaha setiap individu di peringkat tempatan bagi menangani masalah perubahan iklim dan pelepasan karbon. Majlis sebagai Green World Ambassador 2014 akan dikurniakan Anugerah tersebut di House of Parliament UK pada 11hb November 2013 akan datang.

3.6 CCTV

Matlamat untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya selamat, direalisasikan dengan beberapa strategi pembangunan dan pelan tindakan termasuklah menyediakan pencahayaan bagi kawasan yang gelap, menyediakan rel penghadang/bollard di laluan pejalan kaki, menyediakan tempat letak motor berkunci dan pemasangan CCTV. Pemasangan CCTV dibuat berdasarkan peruntukan daripada Kerajaan Negeri, KPKT dan MBPJ. Bagi projek-projek pembangunan komersial yang baru Majlis telah menetapkan syarat pemasangan CCTV di lokasi seperti di basemen tempat letak kereta, lobi, lif, tangga dan kawasan terlindung kepada pemaju semasa kelulusan Kebenaran Merancang (KM). Lokasi ini akan ditandakan pada Pelan Bangunan yang diluluskan dan dipantau oleh Jabatan Kawalan Bangunan dengan memastikan kemudahan berkenaan disediakan pemaju sebelum pengeluaran CCC.

Sebagai satu langkah inovatif, Majlis akan menetapkan syarat pemasangan CCTV di jalan awam kepada pemaju semasa kelulusan Kebenaran Merancang (KM). Syarat ini akan seterusnya dimasukkan sebagai syarat kelulusan Pelan Jalan dan Parit dan dipantau oleh Jabatan Kejuruteraan Majlis sebelum pengeluaran CCC. Bagi bangunan perniagaan sedia ada, syarat pemasangan CCTV seperti tersebut di atas akan dijadikan syarat untuk dipatuhi semasa pemilik bangunan memperbaharui kelulusan lesen perniagaan mereka. CCTV yang dipasang oleh syarikat swasta ini akan dihubungkan ke bilik kawalan CCTV yang dikawal Jabatan Penguatkuasa yang turut diintegrasikan ke Pejabat Polis Daerah Petaling.

3.7 PELESENAN

Pada masa kini, Majlis sedang mengkaji proses kerja yang lebih efektif dan efisyen kepada para peniaga dan usahawan khasnya di kawasan Petaling Jaya. Dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan '*And Having Some Direct Impact Upon People*'.

Hasrat beliau, sebagai Pihak Berkuasa Tempatan mestilah bersikap lebih telus, kurangkan karenah birokrasi dan tingkatkan akauntabiliti. '*It Is A Way To Craft And Design Services Around The Needs Of Local People In Petaling Jaya*'.

Dengan ini bagi fasa pertama, MBPJ akan memperkenalkan '*Standard Operating Procedure*' dan penggunaan borang permohonan baru bagi proses permohonan dan pembaharuan lesen perniagaan yang lebih telus.

Jenis-Jenis aktiviti Yang Terlibat ialah :

- i. Lesen hiburan
- ii. Pusat penjagaan kesihatan
- iii. Pusat siber
- iv. Bengkel kereta
- v. Aksesori kenderaan
- vi. Mencuci kenderaan
- vii. Stor

Bagi fasa kedua, pihak Majlis berhasrat untuk memperkenalkan permohonan lesen baru secara Online, di mana orang awam boleh memuat turun borang permohonan. Secara tidak langsung ianya dapat menjimatkan masa dan kos kepada semua pengusaha.

Bagi fasa pertama ini, beberapa penambahbaikan akan dilaksanakan seperti penggunaan borang permohonan baru yang turut disertakan carta alir kerja yang mana akan dikompositkan bersama permohonan iklan seperti papan tanda premis.

Selain itu, elemen baru yang turut diketengahkan adalah pengeluaran lesen sementara yang termaktub di dalam Undang-Undang Kecil MBPJ 2007. Sebelum ini lesen sementara hanya dikeluarkan bagi permohonan melibatkan establishment makanan sahaja. Lesen sementara yang akan dikeluarkan adalah melibatkan permohonan lesen tred yang dikategorikan sebagai kritikal dan juga permohonan lesen pusat siber.

SULIT

Selain itu juga, pengeluaran kad akuan bagi permohonan lesen pusat hiburan dan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan juga akan diperkenalkan. Elemen-elemen baru yang diketengahkan ini adalah bertujuan memudahkan Majlis membuat pemantauan agar semua aspek dipatuhi oleh semua peniaga.

Lesen sementara dan kad akuan yang dikeluarkan adalah untuk tempoh 6 bulan dan pemeriksaan bagi pematuhan syarat-syarat lesen ke atas premis perniagaan akan dilakukan secara bersepadu di antara jabatan teknikal majlis dan agensi luar.

Tujuan pemeriksaan bersepadu ini dilakukan adalah untuk melindungi peniaga – peniaga daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, di samping memastikan pematuhan syarat - syarat lesen diikuti.

MBPJ sentiasa memikirkan masalah-masalah yang dihadapi oleh stakeholder di bawah pentadbiran Majlis dan sedaya upaya untuk menangani segala isu yang timbul agar wujudnya hubungan rapat di antara penduduk dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik mengikut kehendak semua.

Dengan adanya penambahbaikan di dalam Proses Permohonan lesen perniagaan ini, besarlah harapan beliau, agar ianya dapat menggalakkan pengusaha-pengusaha perniagaan datang untuk memohon lesen perniagaan. Pemberian lesen yang sah adalah sebagai satu usaha pengawalan ke atas kacau ganggu dan melindungi masyarakat Petaling Jaya secara keseluruhannya. Sebagai salah satu usaha memastikan perniagaan yang dijalankan mempunyai lesen yang sah daripada pihak majlis, penggantungan kain rentang dibuat bagi kawasan-kawasan baru iaitu 38 lokasi yang melibatkan lebih kurang 2,500 unit premis telah dikenal pasti. Ianya bertujuan agar memudahkan penyampaian maklumat berhubung permohonan lesen.

Reducing Red-Tape And Eliminating Unnecessary Burocratic Problem And Delighting Our Customer - adalah menjadi harapan kepada pihak majlis di dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.



PENCEMARAN UDARA (JEREBU)

Untuk mengawal dan mengurangkan jumlah bahan pencemar di dalam udara atau masalah jerebu, Majlis telah meningkatkan operasi membanteras kes-kes pembakaran terbuka. Antara kawasan yang telah dikenalpasti sebagai penyumbang utama kepada masalah jerebu ialah kawasan pembinaan, *tapak semaihan*, kawasan perumahan, tapak pelupusan sampah haram dan kawasan industri. Operasi Pembakaran Terbuka giat dijalankan pada setiap hari berbanding seminggu sekali sebelum ini oleh pasukan yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Team Utara dan Team Selatan bagi kerja kawalan dan penyiasatan aduan yang diterima mengenai pembakaran terbuka. Pesalah boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-sarap (MBPJ) 2007, Perkara 19. Warga Petaling Jaya khususnya disarankan tidak menjalankan aktiviti yang boleh menyumbang kepada peningkatan bahan pencemar di dalam udara seperti mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian melalui perkongsian kereta atau menggunakan pengangkutan awam. Selain itu digalakkan juga untuk memakai topeng pelindung (*nasal mask*) yang boleh menghalang jerebu memasuki saluran pernafasan, sentiasa meminum air yang banyak, mengurangkan aktiviti di luar rumah dan mendapatkan nasihat dan rawatan dari pusat perubatan berhampiran sekiranya terdapat masalah kesihatan yang berlarutan.

Kemungkinan keadaan ini akan berlanjutan dan langkah berwaspada perlu diambil. Seiring itu, saya mengarahkan supaya Bahagian Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan Persekitaran akan lebih giat memeriksa tapak pembinaan dan aktiviti pembakaran terbuka supaya kualiti udara tidak bertambah buruk lagi. Semua pihak perlu memberi bekerjasama dengan menghindari daripada perbuatan yang boleh meningkatkan jerebu.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 5 TAHUN 2013 (SESI 2012/2013)

- 4.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 5 Tahun 2013 bertarikh 31 Mei 2013 telah diluluskan dengan tambahan ayat bagi perkara 7.10 di muka surat 16 seperti berikut:-

- 4.1.1 Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar pembentangan bajet ini dibuat dengan kadar segera.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perbendaharaan , MBPJ.

5.0 LAPORAN MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT MAJLIS:-**5.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 5 TAHUN 2013
BERTARIKH 31 MEI 2013 (PENGGAL 2012/2013)**

Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil
7.0 (ii)	- Kajian semula peningkatan kos sistem pepejal	Jabatan Kesihatan Persekitaran akan mengkaji semula peningkatan kos sisa pepejal dan akan memaklumkannya pada masa akan datang.
7.1.2	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ - Pengagihan standard tong sampah kepada penduduk Petaling Jaya	Jabatan Kesihatan Persekitaran dalam proses penyediaan B.Q dan akan mengedarkan tong sampah tersebut mengikut kawasan Zon Bersih.
7.1.3	- Masalah berkaitan aduan asas demi keselesaan penduduk.	Pihak jabatan mengambil maklum perkara tersebut.
7.2.3	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL - Masalah berkaitan longkang dan banjir yang kerap berlaku terutama di Jalan PJU 1A dan Bulatan Kg. Chempaka.	Pihak Jabatan telah menyenaraikan lokasi banjir Jalan PJU 1/3B untuk perlantikan perunding bagi melaksanakan kajian untuk penambahbaikan sistem saliran di kawasan tersebut. Hasil kajian tersebut akan digunakan semasa projek pembangunan tersebut dilaksanakan dalam tahun ini.

Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil
7.3.1	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN AHMAD ZAINUDIN - Jabatan Kejuruteraan dipohon untuk menjemput Ahli Majlis, Ahli Parlimen dan ADUN ketika membincangkan isu-isu kawasan terutama yang melibatkan tanah kerajaan.	Jabatan Kejuruteraan mengambil maklum perkara tersebut.
7.4.1	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ANTHONY SIVA BALAN A/L THANASAYAN - Seminar kesedaran berkaitan kebersihan kepada penduduk Petaling Jaya	Jabatan Kesihatan Persekitaran akan terus mengadakan pelbagai cara pendidikan kepada penduduk Petaling Jaya.
7.5.1	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK CHAN CHEE KONG - Kebakaran kedai di pasar Old Town yang masih belum dibaiki	Jabatan Kejuruteraan telah mengeluarkan satu sebutharga bagi menaiktaraf semula gerai yang terbakar di Taman selera tersebut. Sebutharga tersebut telah pun dijual pada (20/5/2013-3/6/2013) . Pemborong telahpun dilantik oleh Majlis pada 24 Jun 2013. Kerja-kerja akan dimulakan dalam tempoh dua minggu.



Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil
7.5.2	- Kebakaran 'Food Court' di Jalan Penchala berhampiran Taska MBPJ.	<p>Jabatan Kejuruteraan telah mengeluarkan satu sebutharga bagi menaiktaraf semula gerai yang terbakar di Taman selera tersebut. Sebutharga tersebut telah pun dijual pada (20/5/2013-3/6/2013) . Pemborong telahpun dilantik oleh Majlis pada 24 Jun 2013. Kerja-kerja akan dimulakan dalam tempoh dua minggu.</p> <p>Sebagaimana keputusan YBhg. Datuk Bandar di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Mampan pada 17 Jun 2013 mengarahkan supaya gerai tersebut dinaiktaraf.</p> <p>Sehubungan itu Jabatan Perancangan Pembangunan telah mengaturkan satu perjumpaan bersama pengerai yang dipengerusikan oleh Encik Tony Cheong Siew Thong pada 20/6/2013. Perjumpaan tersebut bertujuan bagi membincangkan permintaan pegerai untuk bermiaga dikawasan berhadapan gerai yang tidak terlibat dengan kebakaran. Hasil daripada perbincangan memutuskan untuk membenarkan pegerai bermiaga sementara di hadapan gerai tersebut sebelum proses menaiktaraf dibuat dengan syarat pihak pegerai menandatangani satu surat akuanji.</p> <p>Tuan Pengurus akan merujuk hasil perbincangan di atas dengan YBhg. Datuk Bandar terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan diberi kepada pegerai.</p>

Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil
7.7.5	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK RICHARD YEOH YONG WOI - Berkaitan isu Polis Bantuan yang tidak diluluskan.	Permohonan semula telah dikemukakan pada 15 Jun 2012 dan maklumat tambahan yang diperlukan telah dihantar pada 18 Jun 2013. Manakala surat rayuan telah dihantar pada 19 Jun 2013 untuk pertimbangan.
7.7.6	- Isu tampalan jalan berlubang.	Pembaikkan jalan yang dibuat secara tampalan adalah untuk membaikkan jangka pendek bagi mengatasi atau menangani aduan jalan berlubang. Manakala kerja-kerja membarumuka atau penurapan semula jalan akan dirancang mengikut keperluan semasa kerana ianya melibatkan kos lebih besar.
7.7.7	- Beliau berharap agar Pengarah Jabatan Kejuruteraan melihat projek-projek MARRIS yang telah dan belum dilaksanakan.	Pihak jabatan mengambil maklum perkara tersebut.

Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil
7.9.1	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMAD ARISH - Tempat letak kereta yang tidak mencukupi di Petaling Jaya.	Majlis sedang dalam proses mencari opsyen bagi menambah kemudahan letak kereta di sekitar Pusat Bandar, Seksyen 52, Petaling Jaya
7.9.2	- Beliau berharap agar Jabatan Kejuruteraan dapat menyenaraikan jalan-jalan yang perlu diturap	Pihak jabatan mengambil maklum perkara tersebut.

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 28 MEI 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 2 (111)]**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Jurukur Bahan, MBPJ.

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 3 JUN 2013 DAN 18 JUN 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (69)]
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (71)]**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

- 6.2.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan permintaan Encik Khairul Anuar bin Ahmad Zainuddin agar surat akujanji mengenai perjanjian serahan rizab dan kemudahan awam yang perlu dilakukan oleh Tetuan Sime Darby ditandatangani oleh pegawai yang bergred lebih tinggi daripada Encik Azman bin Suffian.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.

- 6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 4 JUN 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD 2 (68)]**

- 6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

- 6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 11 JUN 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD 2 (106)]**

- 6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

- 6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN, KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 11 JUN 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (56)]**

- 6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 12 JUN 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (23)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan ayat bagi perkara 7.0 yang tidak diminitkan seperti berikut:-

7.6 Mensyaratkan agar Kontraktor Pembersihan Longkang mempunyai 'Water Pump'.

Puan Cynthia Gabriel memohon agar setiap kontraktor pembersihan disyaratkan mempunyai 'water pump' bagi tujuan pembersihan.

6.6.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan:-

- a) Saranan YBhg. Datin Paduka Pengerasi agar jabatan melantik ibu-ibu tunggal bagi urusan pembersihan dan bayaran gaji dibuat seminggu sekali.
- b) Selain daripada itu Encik Chan Chee Kong turut mencadangkan agar warga emas dibayar gaji untuk membersihkan tandas sebagaimana konsep di Jepun yang mana akan menyebabkan penduduk malu untuk membuang sampah di merata-rata.
- c) Saranan daripada Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud agar pemantauan ketat dilakukan ke atas kontraktor yang dilantik agar tugas dapat dibuat mengikut spesifikasi majlis.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.

**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
KEWANGAN BERTARIKH 17 JUN 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 2 (65)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

6.8

**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
PEMBANGUNAN MAMPAN BERTARIKH 17 JUN 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 (83)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA BANTAHAN NILAI HARTA BERTARIKH 20 JUN 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/8 (27)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Penilaian, MBPJ.

6.9.2 Mesyuarat turut membuat keputusan agar:-

- a) Flyers, website atau buletin digunakan untuk memaklumkan kepada penduduk berkaitan syarat-syarat kelulusan pengubahsuaian rumah atau bangunan yang kerap kali mendapat bantahan daripada penduduk.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Penilaian, MBPJ,
Pengarah, Unit Perhubungan Awam dan Korporat,
MBPJ.**

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN AHMAD ZAINUDIN

7.1.1 Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada MBPJ yang dapat memberhentikan kerja-kerja pembinaan oleh PLUS di mana kesan pembinaan tersebut telah mengakibatkan jalan rosak dan banjir lumpur. Tindakan sebegini menunjukkan bahawa Majlis tidak dibuli oleh kuasa besar di mata penduduk.

Tindakan : Makluman.



PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN

- 7.2.1 Beliau mengulas ucapan YBhg. Datuk Bandar yang memohon agar Pengarah Jabatan bekerja keras demi memberikan perkhidmatan kepada penduduk Petaling Jaya. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar masalah sampah dan landskap dapat diatasi di mana aduan ke atas isu di atas semakin meningkat. Peningkatan aduan ke atas dua masalah asas ini menjelaskan imej majlis di mana penduduk melihat warga kerja MBPJ tidak 'perform' dalam menyelesaikan sesuatu isu.
- 7.2.2 YBhg. Datin Paduka Pengurus meminta agar pengarah jabatan memaklumkan status kerja kepada penduduk agar penduduk tahu apa yang kita lakukan. Mengikut laporan, kebanyakkan aduan telah diambil tindakan akan tetapi pengadu tidak dimaklumkan status aduan tersebut. Oleh yang demikian kita perlu memaklumkan apa yang sedang dan telah kita buat kepada penduduk untuk mengurangkan tanggapan negatif penduduk PJ.

Selain daripada itu, beliau berharap agar Ahli Majlis memainkan peranan untuk memberi penerangan kepada penduduk terutama yang melibatkan isu kejiranian. Masalah ini timbul apabila pengadu membuat aduan berkaitan kelulusan mengubahsuai rumah kediaman oleh individu yang belum membuat pengubahsuaian yang mana kononnya menganggu keselesaan beliau. Sifat pentingkan diri sendiri oleh penduduk yang telah membuat pengubahsuaian amat ketara di PJ. Sehubungan dengan itu, Ahli Majlis boleh memaklumkan kepada pengadu dan menyatakan selagi individu terbabit tidak menyalahi peraturan majlis, pengubahsuaian tersebut adalah dibenarkan.

Beliau turut memaklumkan hasil lawatan ke London, di mana beliau dapat melihat 'Fullboard Meeting' yang diadakan di dalam bilik berkaca yang boleh dilihat oleh penduduk. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar kita dapat memikirkan cara bagaimana mengadakan mesyuarat secara 'on line' untuk lebih telus lagi.

Tindakan : Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.

PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TONY CHEONG SIEW THONG

- 7.3.1 Beliau membangkitkan isu di mana sejak akhir-akhir ini jadual mesyuarat sering dipinda dan kadang kala melebihi 5 kali pindaan dalam sebulan. Perkara ini menyukarkan Ahli Majlis memandangkan Ahli Majlis perlu merancang jadual bulanan bagi aktiviti lain yang telah dirancang. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar pemantauan dibuat ke atas perkara ini.
- 7.3.2 YBhg. Datin Paduka Pengerasi memaklumkan kebanyakannya pindaan jadual dibuat, selepas pilihanraya di mana beliau sering menghadiri mesyuarat atau perjumpaan di SUK. Beliau turut mengambil maklum perkara ini dan akan cuba mengelakkan sebarang pindaan ke atas Jadual Mesyuarat kecuali bagi perkara-perkara yang diluar jangkaan.

Tindakan : Timbalan Setiausaha, MBPJ.

7.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD

- 7.4.1 Beliau memohon agar majlis dapat menyemak dan memikirkan cara terbaik contohnya mengenakan TOL kepada pemilik yang mengubahsuai rumah atau bangunan sehingga memasuki tanah kerajaan. Masalah ini akan bertambah serius sekiranya tiada kawalan.
- 7.4.2 YBhg. Datin Paduka Pengerasi memaklumkan, TOL tidak boleh dikenakan dan tindakan terakhir adalah meroboh dengan mengemukakan notis peringatan dan tempoh untuk meroboh rumah/kediaman tersebut.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.

7.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMAD ARISH

- 7.5.1 Beliau membangkitkan isu Iklan Haram yang menjolok mata di sepanjang Ara Damansara. Beliau telah berhubung dengan Bahagian Pelesenan dan berharap agar iklan tersebut diturunkan segera.

- 7.5.2 Encik Derek John Fernendez memohon agar sebarang aduan hendaklah disalurkan segera ke Unit Aduan atau jabatan berkaitan untuk tindakan segera.

Tindakan : Bahagian Pelesenan, Jabatan Pengurusan, MBPJ.

7.6 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK KANDEAH A/L SUBRAMANIAM

- 7.6.1 Beliau membangkitkan kes sibil berkaitan isu perteduhan bas Parisign di sekitar Petaling Jaya di mana kes ini perlu pandangan daripada Ahli Majlis yang lebih arif berkaitan kes perundangan. Untuk makluman, mesyuarat Jawatankuasa Teknikal tersebut masih belum membuat keputusan dan meminta Pengarah, Unit Perundangan mengkaji kelemahan dan kekuatan kes tersebut.

Tindakan : Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.

7.7 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TERENCE TAN TECK SENG

- 7.7.1 Beliau membangkitkan isu kebersihan di mana restoran terutama di Damansara Jaya kotor, longkang tersumbat. Aduan telah dibuat berulang kali akan tetapi masih belum ada tindakan tegas diambil. Perkara ini menimbulkan rasa kurang selesa terhadap penduduk memandangkan terdapat banyak tikus berkeliaran dan mengundang penyakit di kawasan tersebut.

Tindakan seperti menutup premis selama 2 minggu memang berkesan akan tetapi keadaan ini berulang semula setelah premis dibuka. Sehubungan dengan itu dipohon pemantauan ke atas premis tersebut dan sekiranya berulang tindakan lebih tegas hendaklah diambil.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan, MBPJ.

7.8 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AHMAD AKHIR BIN PAWAN CHIK

- 7.8.1 Beliau mengucapkan tahniah kerana MBPJ mendapat anugerah Green Apple.



- 7.8.2 Beliau tertarik dengan ucapan oleh YBhg. Datin Paduka Pengerusi yang menyatakan Ahli Majlis lebih tahu apa kehendak penduduk. Beliau memaklumkan penduduk memerlukan perkhidmatan yang selesa terutama dua perkhidmatan utama iaitu infrastruktur dan penyelenggaraan.

Beliau mengambil maklum bahawa dua perkara di atas merupakan isu yang sering diadukan oleh penduduk kepada Ahli Majlis. Kebanyakkan aduan berkaitan perkara di atas akan selesai setelah 2 – 3 kali aduan dibuat.

Beliau turut menyentuh isu banjir di Taman Buana dimana setelah aduan dibuat melebihi 3 kali dan perkara tersebut berlarutan selama 5-6 bulan, aduan tersebut dapat diselesaikan dengan mengorek longkang sementara di kawasan tersebut yang mengambil masa tidak sampai 1 hari. Beliau berharap keadaan seperti ini tidak akan berulang pada masa akan datang.

Isu jalan 2/1 yang berlubang dan memerlukan bajet 2013 masih belum diambil tindakan walaupun tahun 2013 telah 6 bulan berlalu.

Sehubungan dengan itu beliau berharap agar jabatan terlibat mengenalpasti dan menyelesaikan masalah tersebut dan mengambil inisiatif untuk memantau (terutama yang melibatkan penyelesaian sementara) agar aduan ke atas perkara tersebut tidak berulang.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah, Aduan Awam, MBPJ.**

7.9 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YB. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN

- 7.9.1 Beliau meminta agar majlis melihat semula RKK Seksyen 13 untuk penambahbaikan dengan menyemak semula plot ratio dan lain-lain berkaitan. Masalah paling ketara ialah masalah kesesakan lalulintas yang melampau di sepanjang Jalan Semangat.

YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan bahawa jalan penyelesaian sedang diambil ke atas perkara-perkara yang melibatkan Seksyen 13. Sehubungan dengan itu Pengarah Jabatan Kejuruteraan diminta memberi penerangan kepada YB Tuan Rajiv a/l Rishyakaran berkaitan perkara di atas.



7.9.2 Beliau berharap agar jabatan tersebut dapat menerangkan bagaimana cara mengatasi isu Illegal Dumping (tempat pembuangan sampah haram) di Petaling Jaya. Beliau turut meminta agar jabatan berkaitan memaklumkan jadual pungutan sampah dan semua isu berkaitan sampah kepada beliau dan penduduk.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
Pengarah Jabatan Kesihatan Persekutuan, MBPJ.**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.09 petang. YBhg. Datin Paduka Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat.

(HJ. AHMAT MOHAYEN B. HJ. SAID) AMN, AIS, PJK
Timbalan Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
e-mail: moha@mbpj.gov.my

Bertarikh : 28 Jun 2013



HADIR:

- | | | | |
|-----|---|---|-----------|
| 01. | YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad,
Datuk Bandar, MBPJ, | - | Pengerusi |
| 02. | Encik Derek John Fernandez,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 03. | Encik Mahharul bin Ismail,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 04. | Encik Richard Yeoh Yong Woi,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 05. | Encik Chan Chee Kong,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 06. | Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 07. | Encik Khairul Anuar bin Ahmad Zainudin,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 08. | Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 09. | Encik Tony Cheong Siew Thong,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 10. | Encik Kandeah,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 11. | Tuan Ir. Lee Suet Sen,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 12. | Encik Azri bin Mohamad Arish,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 13. | Puan Norliana binti Mohamad,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 14. | Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |



15. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,
Ahli Majlis, MBPJ,
16. Encik Azman bin Yusof,
Ahli Majlis, MBPJ,
17. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ,
18. Encik Anthony Siva Balan a/l Thanasayan,
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Tuan Haji Ahmat Mohayen bin Haji Said,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,
Pengarah,
Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,
Pengarah,
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Encik Abdul Shukor bin Mohamed Noor,
Wakil Pengarah,
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,
Pengarah,
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Puan Zaharah binti Rustam,
Wakil Pengarah,
Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah,
Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah,
Jabatan Lanskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.



09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,
Pengarah,
Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.
10. Encik Tun Mohd Izlizam bin Bahardin,
Wakil Pengarah,
Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.
11. Encik Abd. Muttalib bin Mohd. Ali,
Pengarah (Undang-undang),
Unit Perundungan, MBPJ.
12. Cik Siti Husna binti Idrus,
Wakil Pengarah (Perhubungan Awam),
Unit Perhubungan Awam, MBPJ.
13. Puan Hajah Norlida binti Md. Isa,
Wakil Pengarah Audit Dalam,
Unit Audit Dalam, MBPJ.
14. YM. Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,
Pengarah Aduan Awam,
Unit Aduan Awam, MBPJ.
15. Encik Lee Lih Shyan,
Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
16. Cik Norshabani binti Johari,
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Puan Zatul 'Iffah binti Azizan,
Wakil Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat),
Bahagian Teknologi Maklumat, MBPJ.
18. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
19. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Timbalan Pengarah (Pelesenan),
Bahagian Pelesenan, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.



SULIT

21. Tuan Haji Ahmad Johari bin Salleh,
Penolong Pengarah Kanan (Korporat),
Unit Korporat dan Inovasi, MBPJ.

AHLI PARLIMEN/ADUN:

01. Encik Loh Boon Keat,
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan (PJS).
02. Encik Billy Wong,
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara (PJU).
03. Encik Ho Fook Chuan,
Wakil Ahli Parlimen Kelana Jaya.
04. YB. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,
ADUN Bukit Gasing.
05. YB. Tuan Lau Weng San,
ADUN Kg. Tunku.
06. Encik Lauren Chew dan Encik Jack Ng,
Wakil ADUN Damansara Utama.

TURUT HADIR :

01. Puan Norzita binti Mokhtar,
Penolong Pengarah Kanan (Undang-undang),
Unit Perundangan, MBPJ.
02. Encik Mohd Yusof bin Che Aziz,
Penolong Pegawai Undang-undang,
Unit Perundangan, MBPJ.
03. Encik Lee Chew Yee,
Pegawai Tadbir (S),
Unit Aduan Awam, MBPJ.



SULIT

URUSETIA :

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
04. Puan Suriyati binti Othman,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



SULIT